

21 MAY 1999

Mohamed-BN

PM PUAS HATI DENGAN SEMANGAT PERPADUAN DALAM UMNO DAN BN JOHOR

JOHOR BAHRU, 21 Mei (Bernama) -- Setiausaha Agung BN, Datuk Mohamed Rahmat berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed berpuas hati dengan semangat perpaduan dalam Umno dan Barisan Nasional (BN) negeri Johor.

Menurut Mohamed lagi, Perdana Menteri juga yakin bahawa Johor boleh mengekalkan kerajaan yang sedia ada sekiranya pilihan raya umum diadakan pada bila-bila masa.

Keyakinan itu dinyatakan oleh Perdana Menteri pada majlis ramah-mesra tertutup bersama pemimpin-pemimpin Umno Johor dan parti komponen BN yang berlangsung kira-kira 3 jam mulai pukul 9 pagi tadi, di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin, Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng, Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Ong Ka Ting Ting dan Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk S. Subramaniam.

Mohamed berkata, Dr Mahathir juga turut mengingatkan pemimpin-pemimpin Umno dan BN agar mengadakan persiapan lebih awal bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Persiapan awal itu penting bagi memastikan BN terus mencapai kejayaan serta memerintah Johor, katanya.

Menurut beliau, Perdana Menteri juga memberi penjelasan mengenai isu-isu semasa.

-- BERNAMA

RAM PR